

MEMPRAKTIK KEMAHIRAN BERTUTUR DALAM BAHASA ARAB DAN KHIDMAT SOSIAL MELALUI PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK

Practicing Arabic Speaking Skills and Community Service Through Project-Based Learning

Nor Azhan Norul'Azmi¹, Noor Shamshinar Zakaria²

Submitted: 14-Feb-2021
Accepted: 05-Jun-2021
Revised: 21-Jun-2021
Published: 28-Jun-2021

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: norazhan@kuis.edu.my

Abstrak

Antara masalah yang sering dihadapi oleh penutur bahasa kedua terutamanya bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing di Malaysia ialah peluang untuk mempraktik bahasa tersebut di luar bilik darjah dan kuliah. Untuk mengatasi masalah tersebut, kajian ini telah dilakukan untuk mengenal pasti sejauhmana persepsi pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab Terjemahan) terhadap keupayaan mereka berkomunikasi depan khalayak umum, mempraktik kemahiran bahasa di luar bilik kuliah dan melakukan khidmat sosial serta promosi institusi kepada khalayak secara tidak langsung melalui pembelajaran berasaskan projek. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis data temu bual bersama 10 orang peserta yang melaksanakan projek ini secara berkumpulan. Temu bual tersebut dilaksanakan selepas projek tamat dan data dianalisis secara deskriptif untuk mengenal pasti kemahiran komunikasi yang diperoleh dan penglibatan pelajar melalui program bersama masyarakat di luar kampus. Dapatan kajian mendapati bahawa projek ini sesuai dilaksanakan menerusi pelbagai bentuk dan platform sama ada bersemuka atau digital. Peserta kajian yang terlibat juga dapat mempraktik kemahiran asas dan tatabahasa di luar bilik kuliah untuk pemerolehan bahasa, meningkatkan kemahiran interpersonal, menjalankan khidmat sosial serta dalam masa yang sama menjalankan promosi bagi pihak institusi.

Kata kunci: Pembelajaran Berasaskan Projek, Pemerolehan Bahasa Arab, Kemahiran Komunikasi, Khidmat Sosial, Promosi Institusi

Abstract

Among the problems that are often faced by second language speakers, especially Arabic as a second or foreign language in Malaysia is the opportunity to practice the language beyond classroom and lectures. To overcome the problem, this study was conducted to identify students' perceptions in Bachelor of Islamic Studies (Arabic Language and Translation) towards the ability to effectively communicate with audience, practicing language skills outside traditional classroom and performing social service and institutional marketing indirectly through project-based learning. This study uses qualitative method by analysing data from interview with 10 participants who have conducted this project in group. Yet the interview was conducted after the project ended and data were analysed descriptively to identify communication skills acquired and students' involvement through community service programs outside the campus. Findings showed that this project is suitable to be implemented through various forms and platforms, either via face-to-face or digital basis. Participants involved in this study can also practice basic skills and grammar outside the classroom for the purpose of

acquiring language, improving interpersonal skills, conducting community services and simultaneously integrating marketing planning on behalf of the institution.

Keywords: *Project-Based Learning, Arabic Language Acquisition, Communication Skill, Community Service, Institutional Marketing*

1.0 PENGENALAN

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam meneruskan agenda pengajaran abad ke-21 kini agresif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran guru. Antara kemahiran abad ke-21 yang perlu dikuasai oleh guru dan pelajar ialah melibatkan kemahiran pembelajaran dan inovasi (*learning and innovation skills*), kemahiran maklumat, media dan teknologi (*information, media and technology skills*), serta kemahiran hidup dan kerjaya (*life and career skills*) (Nor Izzati Mahd Nor, 2019). Selain itu, antara kemahiran pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang boleh diasah ke tahap seterusnya ialah pembelajaran berasaskan projek (PBP) yang menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar.

Pembelajaran berasaskan projek (PBP) atau lebih dikenali sebagai *Project-based learning* (PBL) merupakan bentuk pengajaran aktif berpusatkan pelajar di mana ia disokong oleh autonomi pelajar, penyiasatan secara konstruktif, menentukan matlamat, kerjasama, komunikasi dan refleksi bagi menempuh kehidupan di dunia yang sebenar. Maida (2011) semasa membincangkan mengenai PBP dalam konteks pembelajaran abad ke-21 menyebut bahawa ia adalah cetusan daripada teori John Dewey tentang pembelajaran berdasarkan pengalaman pelajar itu sendiri, ilmu yang diperolehi secara langsung (*hands-on*) dan pembelajaran berpusatkan pelajar di mana ia telah memberi kesan kepada dasar pendidikan sehingga pusat pendidikan menjadi sebuah 'makmal sosial' bagi pelajar. Beckett (2006) dalam kenyataannya menyebut bahawa PBP telah dipelopori oleh David Snedden untuk mengajar subjek Sains dalam kelas pertanian vokasional di Amerika. Seterusnya, ia ditambah baik dan dipopularkan lagi untuk pengamal pendidikan oleh pelajar John Dewey yang bernama William Heard Kilpatrick. Selain itu, PBP diperkenalkan pula dalam pendidikan bahasa kedua (Hedge, 1993, seperti dilaporkan oleh Beckett, 2006).

Selain itu, PBP telah diterokai dalam pelbagai konteks dan peringkat pengajian, dari sekolah rendah sehingga institut pendidikan tinggi (Kokotsaki, Menzies & Wiggins, 2016). PBP adalah bentuk pembelajaran yang melangkaui ruang bilik darjah (Md. Baharuddin Abdul Rahman, 2015). Justeru, ia dilihat sebagai bentuk pembelajaran bersepadu antara aktiviti bilik darjah atau kuliah dan di luar waktu pembelajaran rasmi yang tidak dihalang oleh kekangan masa dan persekitaran. Ia juga memerlukan usaha, kesungguhan, minat, motivasi dan pelaburan dari segi mata wang untuk merealisasikan matlamat pembelajaran yang dikehendaki.

Menurut Noor Ashikin Mohd Yusop, Norazizah Abdul Rahman, Sopia Md Yassin dan Zainiah@Zaniah Mohamed Isa (2018), pelaksanaan aktiviti projek ini mengambil masa yang panjang serta menjangkau waktu pembelajaran formal. Kanak-kanak berperanan dalam mengenal pasti kaedah untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang telah dikemukakan dan merancang keseluruhan projek. Seterusnya, hasil projek dipersembahkan dalam pelbagai bentuk seperti laporan dan artifak (Noor Ashikin Mohd Yusop et al., 2018). Hasil projek ini boleh dilaporkan melalui banyak medium atau platform terkini yang mendorong lebih ramai khalayak untuk menyertai dan mengambil manfaat daripadanya seperti merakam video dan memuat naik sebarang perkongsian di laman sesawang, saluran Youtube, atau membuat penulisan menerusi media sosial dan aplikasi telefon pintar.

Terdapat tiga fasa PBP yang berlaku, iaitu: persoalan, pencarian dan pelaksanaan (Noor Ashikin Mohd Yusop et al., 2018). Fasa pertama ini merangkumi pertanyaan yang dicetuskan oleh pelajar sebaik sahaja aktiviti projek bermula. Fasa kedua pula di mana pelajar mendapatkan maklumat berkaitan topik yang dipilih untuk diterokai menerusi pelbagai sumber seperti buku, video, gambar dan internet. Dan fasa ketiga, merupakan aktiviti kemuncak bagi pelaksanaan sesuatu projek di mana pelajar membina model atau lakonan berkaitan pembinaan projek yang dipilih untuk dipersembahkan kepada para pelawat pada hari persembahan projek. Ketiga-tiga fasa ini akan memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis sekaligus membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) melalui projek yang dijalankan di luar bilik darjah.

Satu lagi kemahiran yang diperolehi daripada PBP ialah, pelajar dapat menentu dan membuat keputusan menerusi aktiviti projek (Noor Ashikin Mohd Yusop et al., 2018). Kemahiran ini mesti dimulakan dari peringkat kanak-kanak atau peringkat bawah untuk memudahkan proses PdPc peringkat menengah dan tinggi dijalankan dengan berkesan. Hasil kajian oleh Abdul Mutalip Abdul Latif (2015) mendapati, kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar selepas menjalani aktiviti origami, berada pada tahap yang tinggi. Justeru, kemahiran penyelesaian masalah melalui PBP amat sesuai dalam menyelesaikan masalah tugas folio dalam kalangan pelajar. Permainan fizikal dalam kalangan kanak-kanak seperti mengaitkan perkataan dengan gambar atau objek dapat membantu untuk memahami konsep makna. Pertuturan semasa persembahan drama pula membolehkan kanak-kanak belajar menggunakan struktur ayat dengan betul tanpa mendalami tatabahasa secara langsung. Selain itu, bermain juga dapat membantu kanak-kanak menguasai bahasa dari aspek perbendaharaan kata dan peraturan tatabahasa (Jamieson, 2009, seperti dilaporkan oleh Aliza Ali & Zamri Mahamod, 2015).

Selain itu, PBP menyokong teknik pembelajaran secara kolaboratif dalam aktiviti berkumpulan yang menjadi faktor utama dalam pelaksanaan PBP. Yahya Othman dan Dk. Suzanawaty Pg. Osman (2014) menyatakan penulisan risalah boleh mendedahkan pelajar dengan aktiviti secara berkumpulan serta boleh memupuk sikap dan kemahiran interpersonal, contohnya sikap bekerjasama, rajin, berfikir secara kreatif dan kemahiran berinteraksi melalui persembahan hasil projek. Tambahan lagi, pelajar dapat menjana idea dengan aktiviti penilaian rakan sebaya sekali gus dapat membuat refleksi hasil tugas mereka sendiri daripada maklum balas yang diberikan oleh rakan.

PBP sebelum ini banyak berfokus kepada aktiviti dalam ruang bilik darjah dan kuliah semata-mata (Belwal, Belwal, Azlinor Sufian dan Amal_Ai Badi, 2020). Akan tetapi aktiviti pembelajaran sebegini boleh dimanfaatkan jauh ke hadapan dengan pelaksanaan dan pembabitan pihak syarikat yang mempunyai pengalaman dan kepakaran. Mereka yang berada dalam kalangan sektor industri mempunyai kemahiran yang tersendiri dari segi idea dan pelaksanaan kerja berbanding ahli akademik yang tidak mendapat pendedahan dari sudut dunia pekerjaan sebenar. Oleh itu, pelajar tidak perlu menunggu lama untuk masuk ke dalam sesuatu bidang pekerjaan dan mendapat pendedahan hanya selepas menjalani latihan industri, akan tetapi ilmu yang diguna pakai telah diserap lebih awal dalam pembelajaran mereka sedikit demi sedikit melalui pembabitan dalam masyarakat dan industri tersebut.

Berdasarkan kajian-kajian yang dikemukakan, pelaksanaan PBP ini menjadi satu metod pengajaran terkini dalam kalangan pendidik dan merupakan satu pendekatan pedagogi yang merangsang kemahiran pelajar abad ke-21. Justeru, guru dan pensyarah secara amnya disarankan mengubah strategi pengajaran mereka kepada pembelajaran secara kolaboratif menggunakan kaedah projek,

meningkatkan teknik berkomunikasi dan pendekatan *hands-on*. Dengan ini pelajar tidak lagi menghafal isi kandungan pengajaran apabila menghadapi peperiksaan, tetapi lebih kepada seorang murid yang berwibawa, berfikiran terbuka dan dapat berkomunikasi dengan efektif (Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman, 2014). Kaedah PBP juga banyak membantu meningkatkan motivasi pelajar (Md. Baharuddin Haji Abdul Rahman, 2015). Aspek ini menjadi keutamaan dalam pembelajaran kerana tanpa motivasi, pelajar akan hilang fokus dan minat untuk mendalami sukatan pelajaran dengan jayanya.

Rumusannya, aktiviti pembelajaran perlu memastikan pelajar menguasai hasil pembelajaran seperti kemahiran inovasi, penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi dan kolaborasi, media dan teknologi maklumat serta kemahiran hidup dan bekerjaya. R. D. Anazifa dan Djukri (2017) menyebut bahawa untuk mendapatkan hasil pembelajaran tersebut, maka program akademik yang disusun perlu seimbang serta membolehkan sumber manusia dapat dibentuk menjadi individu yang kompetitif. Oleh yang demikian, PBP dilihat antara langkah dalam membentuk individu yang bukan sahaja cemerlang dalam keputusan peperiksaan sahaja, malah mampu untuk mendepani cabaran hidup dan kerjaya selepas tamat pengajian di mana-mana peringkat pengajian.

Bagi pelajar di institut pengajian tinggi (IPT), idea pelaksanaan projek yang lebih mencabar dapat memberi ruang kepada mereka untuk meneroka ilmu pengetahuan dan pengalaman sesuai dengan tahap dan cara berfikir mereka. Secara tidak langsung, mereka didedahkan dengan pengalaman baharu, menerokai pelbagai kemungkinan, menghasilkan sesuatu yang baharu, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dalam pembelajaran mahupun dalam kehidupan seharian. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana pelaksanaan PBP yang dilaksanakan dalam kalangan pelajar yang terlibat dengan projek khusus ini dapat mempraktik kemahiran bertutur dan komunikasi di luar bilik kuliah untuk meningkatkan kemahiran bahasa, menjalankan khidmat sosial sekaligus mempromosi institusi yang terkenal sebagai nadi kepada pembangunan rohani dan spiritual dalam masyarakat. Projek dijalankan untuk memenuhi keperluan tugas kursus *Al-Muhadathah* (IBAT2043) yang ditawarkan oleh Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab (JPBLA) di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar untuk menambah dan menguasai kosa kata dalam perbualan mengikut situasi perbualan harian. Tenaga pengajar telah memberikan projek khas di mana pelajar perlu melaksanakan pengajaran tajuk-tajuk bahasa Arab yang mudah seperti memperkenalkan perkataan Arab mudah seperti kata nama (orang, haiwan, benda, buah-buahan, tempat, pekerjaan dan lain-lain), perbualan asas harian serta tajuk tatabahasa Arab mudah kepada khalayak.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat penguasaan kemahiran komunikasi dan bertutur dalam pemerolehan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab Terjemahan) (Kepujian) melalui PBP. Selain itu, ia bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang teknik komunikasi dengan khalayak, seterusnya memperkenalkan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) di mata masyarakat dan menjalankan pemasaran program-program yang ditawarkan oleh institusi secara tidak langsung.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mengumpul data dengan menganalisis data daripada temu bual dengan pelajar yang terlibat secara deskriptif. Kajian ini walau bagaimanapun hanya perbincangan awal untuk melihat sejauh mana PBP memberi kesan dalam pembelajaran pelajar tahun dua program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab Terjemahan) pada sesi akademik II 2018/2019. Sasaran peserta kajian adalah 100% daripada golongan orang awam dan masyarakat sekitar KUIS yang tidak pernah belajar bahasa Arab untuk memberi pendedahan kepada mereka tentang kepentingan mempelajari bahasa Arab sekaligus memberi tanggungjawab sendiri kepada setiap pelajar untuk memainkan peranan dalam institusi masyarakat dan membudayakan ilmu dalam kalangan penduduk sekitar. Namun, golongan sasaran tidak terbatas kepada masyarakat sekitar KUIS sahaja, malah langkah ini juga diambil untuk tujuan mempromosi institusi dan program-program yang ditawarkan oleh KUIS sebagai sebuah pusat menimba ilmu yang mempunyai peranannya yang tersendiri dalam masyarakat khususnya dalam bidang pengajian Islam dan bahasa Arab. Selepas PBP selesai, pelajar ditemu bual untuk mendapatkan maklum balas daripada aktiviti yang dilaksanakan sebagai menjawab objektif kajian yang mana ia berfokus kepada pembelajaran bahasa Arab dan kemahiran berkomunikasi melalui bahasa tersebut dan juga pemasaran program-program di KUIS secara tidak langsung.

4.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Setelah tamat pelaksanaan PBP, peserta ditanya melalui temu bual separa berstruktur untuk menjawab soalan kajian tentang aspek komunikasi dan hasil daripada projek yang dijalankan. Ia kerana ia lebih bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkan kepada penyelidik. Data temu bual pula di analisis dengan menggunakan ATLAS.ti 9 Desktop Trial. Aspek semasa temu bual ini berfokus kepada menjawab dan membincangkan objektif kajian tentang komunikasi pelajar, penguasaan bahasa Arab dan kesan PBP dalam khidmat masyarakat dan memperkenalkan institusi kepada khalayak umum. Dapatan kajian ini disimpulkan seperti berikut:

4.1 Penguasaan kemahiran komunikasi dan bertutur bahasa Arab pelajar dengan khalayak melalui PBP.

1. *Persediaan sebelum melakukan projek*

Kebanyakan peserta projek berpendapat bahawa mereka perlu mengulang kaji tajuk, menyiapkan bahan bantu mengajar (BBM), mencari bahan daripada sumber bacaan seperti buku-buku nota, laman sesawang dan kamus serta melakukan konsultasi bersama pensyarah terlebih dahulu. Perkara ini perlu memandangkan komunikasi yang berkesan memerlukan persediaan yang rapi dari aspek material, fizikal dan mental. Persediaan sebelum melakukan projek dinyatakan seperti berikut:

"Saya kena study dulu dan buat homework untuk tajuk yang nak diajar nanti..." (ID 01)

"Kami dapatlah ulangkaji nama-nama buah, sayur yang kami nak ajar sebelum gi jumpa orang kat mall..." (ID 03)

"Kami buat macam mana.. kami buat kad dulu. Lepas tu baru pergi kt KL, masa tu weekend ramai je orang..." (ID 06)

"Banyak jugak macam search bahan kat internet untuk tajuk tu, sediakan perkataan mudah, dan cari-cari makna kat kamus..." (ID 09)

"Sebelum pegi tu kami consult dulu ngan pensyarah nak confirm tajuk sesuai dan bincang ngan kawan-kawan lah..." (ID 10)

2. Menanam sikap memberanikan diri

Sebilangan peserta projek memaklumkan bahawa mereka juga dilatih untuk memberanikan diri untuk berdepan dengan khalayak yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Hal ini sekali gus dapat melatih mereka untuk menghilangkan rasa malu atau segan untuk berkomunikasi. Peserta projek dapat melatih diri mereka untuk menghilangkan rasa takut, malu dan kurang keyakinan kerana sikap berani, kebolehan mengawal audien, dan mengatasi perasaan gugup mesti dilatih secara berterusan untuk melahirkan graduan yang berdaya saing pada masa akan datang. Berikut adalah pandangan daripada beberapa peserta, antaranya:

"... takut tu ada lah juga tapi sebab nak buat tugas kena beranikan diri sapa orang tengah jalan" (ID 01)

"Sebab nak bagi perkataan yang susah-susah pun diorang tak tahu kan, tapi boleh la hilangkan perasaan malu saya dengan orang..." (ID 03)

"Gugup tu ada jugak sebab jumpa orang tak kenal kan. Tapi alhamdulillah yang saya jumpa bagi respon baik..." (ID 04)

"... tapi boleh la hilangkan perasaan malu saya dengan orang" (ID 07)

"Saya ni malu-malu skit... kalau jumpa orang tak biasa susah nak borak... tapi masa buat assignment tu saya langgar je jumpa pakcik-makcik kat mall lepas tu tegur lah. .." (ID 08)

3. Mempraktik bahasa Arab di luar bilik kuliah

Terdapat juga dalam kalangan peserta yang memberi pandangan bahawa projek ini membantu mereka untuk mempraktik pertuturan dalam bahasa Arab di luar bilik kuliah dan tutorial. Proses latihan sebegini mampu untuk memberi ruang yang luas kepada mereka untuk mengulang kaji dan menggunakan kosa kata yang diperolehi bukan hanya dalam penulisan tugas, perbincangan dalam kelas dan pembentangan tajuk di depan rakan-rakan lain dalam kelas. Pandangan mereka adalah seperti berikut:

"... tapi saya boleh praktik cakap Arab dengan orang luar dan ajar diorang" (ID 02)

"Kat situ pun boleh praktik vocab baru jugak sebab nak ajar orang ramai" (ID 05)

Oleh itu, kajian merumuskan bahawa peserta projek perlu bersedia dengan bahan perkongsian sebelum keluar menjalankan kerja lapangan seperti bacaan awal tentang tajuk yang ingin disampaikan serta mengulang kaji topik-topik yang berkaitan untuk projek yang ditugaskan. Mereka juga perlu memberanikan diri untuk berkomunikasi dengan khalayak yang tidak dikenali kerana mengambil kira latar belakang orang ramai yang pelbagai seperti umur, tahap akademik, sosial, ekonomi dan sebagainya. Penekanan juga diberikan kepada hasil projek yang lain seperti mempraktik kemahiran bahasa Arab dan ilmu pengetahuan pelajar mengenainya seperti kemahiran asas bahasa Arab yang merangkumi kemahiran mendengar,

bertutur, membaca dan menulis. Selain itu, pelajar juga turut mempraktik ilmu tatabahasa yang dipelajari dan menggunakan kosa kata semasa projek dilaksanakan. Justeru, projek ini memberi peluang kepada pelajar untuk sama-sama berkongsi ilmu dengan masyarakat luar baik secara teori mahupun praktikal. Ini akan memberi lebih banyak ruang kepada pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman yang tidak dapat diperolehi semasa proses pembelajaran di dalam bilik kuliah dan tutorial mereka.

4.2 Kesan PBP menerusi aktiviti khidmat sosial dan promosi institusi kepada khalayak.

1. Perkongsian ilmu dengan masyarakat

Sebahagian peserta kajian memberi pendapat yang positif mengenai projek ini yang mana ia dilaksanakan untuk mendedahkan orang awam yang mempunyai pelbagai latar belakang dengan ilmu dan pembelajaran bahasa Arab terutamanya. Pelajar dikehendaki untuk bertemu dan berkongsi kemahiran bahasa Arab seperti mengajar kosa kata mudah, perbualan harian, tatabahasa mudah atau apa sahaja kemahiran bahasa Arab yang lain. Ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat bahawa bahasa Arab adalah bahasa yang mudah untuk dipelajari dan dikuasai oleh sesiapa sahaja terutamanya orang Islam yang sentiasa menggunakan bahasa ini dalam ibadat seharian. Ada dalam kalangan orang awam ini tidak pernah mempelajari bahasa Arab baik menerusi sistem persekolahan rasmi atau sebaliknya. Terdapat juga sebahagian orang awam yang pernah belajar bahasa ini, tetapi mereka lupa setelah sekian lama meninggalkannya sebaik sahaja tamat persekolahan di peringkat rendah atau menengah. Peserta projek ini menerima sambutan yang baik dengan perkongsian ini walaupun tempoh perkongsian daripada peserta amat terhad dan tidak berkala. Antara pandangan peserta terhadap perkongsian mereka tentang bahasa Arab adalah seperti berikut:

"... Ada je yang tak suka kami buat tugas, tapi kami pegi lah jumpa orang lain. Kira takdelah susah cuma kena bagitau betul2 la kat diorang kita datang untuk apa" (ID 01)

"... Kebanyakan saya jumpa yang duduk-duduk tepi taman je. Lepas tu saya tegur lah cakap nak ajar Arab" (ID 02)

"... Best jugak sebab dapat kongsi ilmu Arab dengan diorang" (ID 03)

"... Tapi alhamdulillah yang saya jumpa bagi respon baik dan boleh share apa saya belajar" (ID 04)

"Kami diberi peluang oleh pensyarah untuk guna dwi-bahasa sebab ada orang awam tak tahu bahasa Arab... Memang ada yang dah belajar Arab kat sekolah, tapi lupa..." (ID 05)

"Alhamdulillah... sambutan baik. Mereka teruja juga nak tahu perkataan Arab" (ID 08)

"Ada sorang pakcik tu anak dia memang belajar kat KUIS. Dia suka je kami sembang-sembang dan ajar dia Arab" (ID 13)

2. Komunikasi pelajar dengan khalayak

Teknik komunikasi berkesan juga turut diberi perhatian dalam kajian ini. Rata-rata peserta kajian menyatakan proses pembelajaran yang dilalui semasa sesi bertemu

masyarakat yang tidak pernah dialami dalam bilik kuliah membantu untuk berkomunikasi dengan lebih baik dan bermakna. Komunikasi secara teori dan praktikal adalah dua perkara yang berbeza. Komunikasi berkesan yang diajar secara teori dalam kuliah hanya akan diperoleh secara praktikal melalui keadaan yang *real* atau situasi perbualan yang sebenar sahaja. Antara contoh komunikasi berkesan yang berjaya diterapkan semasa projek dilakukan ialah kelantangan suara, cara sebutan mengikut makhraj yang betul dan bersopan-santun. Selain itu, pelajar juga menunjukkan komunikasi yang berkesan dengan penggunaan gaya bahasa yang mudah, penggunaan aras perkataan dari mudah kepada sukar, pilihan perkataan yang sesuai dengan peringkat umur dan sebagainya. Kesabaran dan ketelitian dalam berbicara juga ditekankan oleh peserta apabila berdepan dengan golongan yang tidak ada latar belakang bahasa Arab sebelum ini. Di sini peserta berkongsi beberapa teknik komunikasi yang mereka guna seperti berikut:

"Di sini kami belajar teknik komunikasi yang dulu kami dapat dari teori ikut topik kursus masa dalam kelas..." (ID 02)

"... agak bisung masa tu, so saya kuatkan lagi suara..." (ID 07)

"... kalau nak communicate dengan budak kena cakap satu-satu, kalau nak kasi contoh perkataan panjang susah nak sebut tu diorang cepat lupa" (ID 08)

"... dalam masa yang sama kita betulkan makhraj dia, sebab lain kan sebutan Melayu dengan Arab" (ID 09)

"biasa kalau nak sapa orang tak kenal tu kena ada adab lah macam bagi salam, lepas tu kenalkan diri..." (ID 10)

"masa ajar tu tak boleh lah kan gopoh-gapah sangat kan... kena macam ajar perkataan mudah kemudian baru yang susah..." (ID 11)

"yang masa jumpa uncle tu kami cakap baik-baik, sopan la.. kalau jumpa orang sebaya tu boleh la kita guna bahasa-bahasa kita jugak" (ID 12)

3. Mempromosi institusi di hadapan khalayak umum

Selain perkongsian ilmu dan teknik komunikasi dengan orang awam yang cuba diterapkan dalam projek ini, pelajar juga menyatakan pandangan mereka mengenai situasi di mana PBP yang dilaksanakan ini memberi ruang kepada institusi untuk memperkenalkan program-program yang ditawarkan, keistimewaan yang terdapat di kampus tempat mereka menimba ilmu dan sebagainya. Secara tidak langsung, projek ini menjadi platform yang baik untuk menjalankan promosi institusi selain daripada program-program universiti yang lain secara rasmi atau tidak rasmi oleh kakitangannya seperti kegiatan pemasaran yang biasa dilakukan di media sosial, tempat-tempat awam atau melalui ceramah, penulisan dan perkongsian hasil penyelidikan oleh pensyarah. Justeru, mahasiswa juga mempunyai peranan mereka tersendiri untuk memperkenalkan universiti dan menjadi sebahagian daripada duta universiti dalam penglibatan mereka bersama masyarakat setempat. Peserta projek memberi pandangan bahawa:

"... First time akak tu cakap dengar KUIS sebelum ni tak tahu pun" (ID 05)

"... Diorang tahu KUIS cuma tak tahu sangat... tahu gitu-gitu je..." (ID 06)

"Ada orang taknak jumpa pun kami sebab takut scam... tapi setelah memperkenalkan diri dan bagitau kami dari KUIS dan nak buat tugas, mereka

cuba jugak untuk beri kerjasama dengan baik. Ada yang kenal KUIS ada yang tak" (ID 08)

"... Ada abang dan akak tu tak tahu pun KUIS kat mana, so saya explain lah" (ID 10)

"Saya cakaplah saya dari KUIS... tanya tahu tak KUIS kat mana... lepas tu terangkan la pasal course dan tugasan saya. OK je..." (ID 09)

"Rata-rata yang saya jumpa kat Shah Alam tu tak kenal sangat KUIS, mungkin diorang tak tengok TV dan radio kot hehe..." (ID 11)

"Sebab saya buat masa balik kampung haritu... ada tahu KUIS sebab Ustaz Don selalu kat TV dulu" (ID 14)

Berdasarkan analisis tentang komunikasi pelajar, aktiviti khidmat masyarakat dan promosi institusi yang dilaksanakan oleh peserta, mereka perlulah berkemahiran dalam memberi penjelasan terhadap segala soalan yang ditanya oleh khalayak terutama berkenaan dengan latar belakang institusi, tahu cara dan kaedah yang tepat untuk menyapa dan memujuk audien untuk terlibat dengan projek mereka. Di sini, pelajar dilatih untuk membawa identiti institusi yang diwakili dengan perwatakan yang baik dan mencerminkan intelektual yang tinggi sebagai seorang mahasiswa. Pelaksanaan projek sebegini memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi ilmu pengetahuan yang ada, mempromosikan program-program yang ditawarkan oleh institusi dengan menyalurkan maklumat kepada orang awam dan mendekati masyarakat yang belum mengenali KUIS secara khusus. Demikian, menerusi perkongsian ilmu pengetahuan khususnya bahasa Arab, mendekati masyarakat, menyalurkan maklumat tentang institusi dan program-program yang ditawarkan sedikit sebanyak dapat mempromosikan institusi secara tidak langsung. Ini dijelaskan dengan sampel temu bual yang diperolehi daripada peserta tentang penerimaan masyarakat terhadap projek yang dilaksanakan berasaskan PBP.

5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Melihat kepada analisis data temu bual, PBP memberi impak yang amat baik kepada proses pembelajaran pelajar seperti mengasah pengetahuan dan kemahiran pelajar ke arah menjayakan projek dan memberi pendedahan tentang cara untuk bekerjasama dalam kumpulan dan melaksanakan perbincangan dengan berkesan. Mereka juga berupaya meningkatkan penguasaan bahasa dan komunikasi bersama khalayak dalam skala yang besar dan dapat memilih kaedah mereka sendiri bagi melancarkan projek yang dilaksanakan.

Kepentingan PBP dalam pengajaran dan pemudahcaraan PdPc tidak dapat dinafikan telah memberi keberkesanan terhadap proses pembelajaran pelajar seperti yang telah dinyatakan dalam beberapa kajian sebelum ini. Oleh yang demikian, pengkaji merumuskan beberapa aspek berkaitan PBP yang dikenal pasti dapat meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi dalam kalangan pelajar seterusnya turut menjadi nilai tambah yang boleh diterapkan dalam PdPc subjek Bahasa Arab, antaranya:

- a) Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT): Dalam erti kata lain, penglibatan pelajar secara aktif dalam meneroka, membuat keputusan dan seterusnya menyelesaikan masalah adalah merupakan proses penambahan ilmu melalui pengalaman yang dilalui oleh pelajar (Barron et al. seperti yang dilaporkan oleh Md. Baharuddin Haji Abdul Rahman, 2015). Oleh yang

demikian, KBAT bukan sahaja terhad digunakan dalam soalan tugas dan pembinaan soalan peperiksaan, malah digilap dalam pelbagai bentuk seperti menerusi perbincangan di dalam kelas, komunikasi bersama khalayak dan pelaksanaan projek.

- b) Interpersonal: pelajar boleh terdedah dengan pelbagai kemahiran interpersonal, komunikasi, pengurusan masa, perancangan kerja dan pemerolehan bahasa dalam PBP (Belwal et al., 2020). Kemahiran ini amat perlu diberi penekanan oleh tenaga pengajar dalam pengajaran bahasa Arab. Ini kerana pemerolehan bahasa kedua dan penguasaannya mempunyai kaitan yang rapat dengan kemahiran interpersonal yang merangkumi kemahiran bertutur.
- c) Pembelajaran kolaboratif: PBP yang dijalankan seperti penglibatan pelajar dalam kajian luar dan tugas untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar menyokong semangat kerjasama dalam kumpulan dan menyerlah sikap profesional yang perlu ada ketika berada dalam situasi pekerjaan sebenar (Belwal et al., 2020). Kerjasama dan sikap saling bantu-membantu dalam kalangan pelajar dalam menjayakan projek akan mencetus budaya cintakan ilmu pengetahuan dan menguasai bahasa Arab dengan lebih baik di luar bilik pembelajaran rasmi.
- d) Pemikiran kreatif dan kritis: hasil kajian daripada R. D. Anazifa dan Djukri (2017) mendapati bahawa PBP memberi kesan positif kepada pemikiran kreatif dan kritis para pelajar. Ini bertepatan dengan saranan pengamal pendidikan yang ingin menghasilkan pelajar yang membudayakan pemikiran kreatif dan kritis dalam apa jua mata pelajaran yang ditekuni. Dalam pembelajaran bahasa Arab, budaya ini boleh digarap secara meluas dalam PBP seperti penganjuran pertandingan debat, wacana ilmiah, pengucapan umum, persembahan kebudayaan dan lain-lain.
- e) Penglibatan dengan masyarakat luar: pelajar terutama di peringkat IPT perlu diberi pendedahan untuk berjumpa dan berkomunikasi dengan khalayak luar sebagai persediaan untuk mereka menjalani kehidupan selepas tamat pengajian. Pendedahan yang awal terutama aspek komunikasi yang berkesan membantu pelajar supaya peka dengan penggunaan bahasa yang sopan dan tahu menghormati orang lain dalam persekitaran sosial dan tempat kerja kelak. Jaringan interaksi sosial yang wujud di antara kanak-kanak dengan pendidik, pakar, ibu bapa dan rakan sebaya juga merupakan elemen penting yang turut menyokong pembentukan dan penguasaan pengetahuan baharu dalam proses penerokaan dan penyiasatan kanak-kanak (Noriaty Rashid, Pong & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad dalam Noor Ashikin Mohd Yusop et al., 2018).
- f) Membudayakan pembelajaran teradun: Yustina, W. Syafii dan R. Vebrianto (2020) mendakwa melalui hasil dapatan kajian mereka bahawa PBP dan pembelajaran teradun mampu meningkatkan kemampuan berfikir secara kreatif dan ini lebih berkesan berbanding cara tradisional dalam melahirkan graduan guru pelatih dalam bidang yang ditekuni. Oleh itu, dalam pembelajaran bahasa Arab pula, pembelajaran teradun yang menggabungkan kaedah tradisional dan teknologi maya akan memudahkan tenaga pengajar untuk menyalurkan maklumat dengan cepat, interaktif dan berkesan. Manakala, pelajar pula akan mendapat input optimum hasil penggabungan kaedah PdPc moden ini untuk mempelajari bahasa Arab dengan minat yang tinggi dan kesungguhan untuk mencari ilmu.
- g) Pembelajaran berasaskan permainan: Menurut Aliza Ali dan Zamri Mahamod (2015), pelajar dapat menguasai hasil pembelajaran seperti

aspek tatabahasa dan pemerolehan kosa kata dengan cara bermain. PBP dapat mengelakkan kebergantungan guru terhadap penggunaan buku teks dan latihan bertulis semata-mata. Bagi pelajar IPT pula, PBP akan membuka ruang untuk menikmati setiap tugas kursus dengan cara yang lebih santai dan menarik minat pelajar mengikut peredaran zaman dan teknologi. Demikian, PBP boleh diperkembangkan dalam PdPc bahasa Arab juga menerusi permainan dalam projek dan bukan terhad kepada aktiviti semasa mengikuti modul dalam kursus dan program bahasa. Dengan cara ini, pelajar bukan sahaja menjadi bahan untuk keberkesanan uji kaji permainan yang digubal oleh guru dan pensyarah, malah turut terlibat dalam mereka cipta dan menghasilkan permainan untuk pembelajaran mereka.

- h) Penulisan jurnal reflektif: Pelaksanaan PBP memberi peluang kepada pelajar mengasah kemahiran menulis dalam bentuk laporan mahupun jurnal berkaitan isu-isu, cara penyelesaian masalah, membuat keputusan dan memberi cadangan berdasarkan data dan pengalaman yang pelajar perolehi sepanjang melaksanakan projek. Pelajar perlu melaporkan semula semua aktiviti yang telah mereka lakukan sepanjang penglibatan mereka dalam projek tersebut dalam bahasa Arab dengan bimbingan penyelia projek supaya hasil laporan menjadi lebih mantap dan turut memberi sumbangan kepada orang lain.
- i) Pelaksanaan projek baharu: Semasa pelajar mengikuti aktiviti projek yang dilakukan sepanjang tempoh proses pembelajaran melalui PBP, secara tidak langsung mereka juga berpeluang untuk berkolaborasi dengan institusi, sekolah atau syarikat yang menempatkan para pelajar ini untuk melaksanakan satu projek lain mengikut kepakaran atau bidang masing-masing. Sebagai contoh, sekiranya pelajar ditempatkan di sekolah, mereka boleh mencadangkan satu kertas kerja mengenai program motivasi atau mengadakan kelas tambahan untuk pelajar yang lemah.
- j) Penghasilan produk dan inovasi: Berdasarkan PBP, pelajar boleh menghasilkan produk mereka sendiri seperti penghasilan nota kreatif, rakaman video pengajaran berasaskan multimedia, aplikasi di telefon pintar dan laman sesawang serta perisian multimedia lain menerusi Projek Tahun Akhir (Final Year Project) dan sebagainya. Produk-produk ini dapat diguna pakai atau menjadi panduan kepada orang lain seterusnya menjadi sumbangan dan amal jariah daripada hasil pelaksanaan PBP ini.

Antara lain, panduan untuk melaksanakan PBP dalam setiap aktiviti PdPc boleh juga dibangunkan dalam bentuk rancangan pengajaran harian (RPH) oleh guru di sekolah untuk memperkasa pengajaran subjek Bahasa Arab yang merangkumi aspek-aspek berikut, seperti:

- a) Menyeronokkan (bersifat interaktif) dan memberi motivasi untuk belajar bahasa Arab.
- b) Menyatakan objektif dan hasil pembelajaran melalui projek yang dijalankan untuk kegunaan umum dan bukan terhad kepada ilmu pengetahuan pelajar semata-mata.
- c) Mencadangkan tempoh pelaksanaan projek yang sesuai serta fleksibel dalam kekangan masa yang diperuntukkan.
- d) Memperincikan langkah-langkah pelaksanaan seperti penyediaan modul yang khusus.
- e) Mencadangkan kaedah dan teknik bersesuaian dengan kemahiran bahasa dan tatabahasa bahasa Arab.

- f) Mencadangkan bahan permainan yang bersesuaian dengan tahap umur dan pengajian pelajar.
- g) Menggabung jalin permainan dan aktiviti yang berbentuk bebas dan dibimbing.
- h) Memperuntukkan satu lembaran kerja atau buku log khusus untuk projek pelajar.
- i) Menggunakan bahasa yang mudah dan bersesuaian dengan keupayaan pelajar untuk pelbagai tahap dan latar belakang.
- j) Mencipta kepelbagaian projek untuk membudayakan kreativiti dan pemikiran kritis dalam diri pelajar.
- k) Menyusun setiap projek dari aras mudah kepada sukar bergantung kepada minat dan kebolehan individu dalam kelas.
- l) Melibatkan lebih banyak penggunaan multimedia dan teknologi maklumat serta integrasi antara projek bersifat akademik dan kokurikulum ke tahap maksimum.
- m) Meluaskan skop projek atau latihan amali dengan pembabitan masyarakat luar untuk murid di peringkat rendah.

Dengan cara sedemikian, PdPc lebih berfokus untuk meletakkan PBP sebagai fokus utama dalam sistem pengajaran guru di sekolah yang mana ia dilihat akan memberi kesan awal kepada pelajar yang mempelajari bahasa Arab di peringkat ini. Selain itu, PBP juga dilihat amat sesuai dengan situasi semasa di mana dunia dilanda pandemik COVID-19 yang menuntut guru dan pelajar menyempurnakan sukatan pelajaran tahunan di luar bilik darjah. Dalam cabaran mendepani wabak ini, dunia pendidikan turut terkesan sehingga menyebabkan sesi PdPc yang biasa dijalankan di dalam bilik darjah terpaksa ditangguh dan digantikan kepada kelas maya di kediaman masing-masing. Hal ini juga bertepatan dengan saranan yang dilaungkan oleh Revolusi Industri 4.0 yang memberi ruang yang besar kepada guru dan pelajar untuk menggunakan teknologi internet dalam menyalur dan menerima maklumat termasuk dalam dunia pendidikan. Komunikasi menerusi internet juga menjadi keperluan harian dalam penyaluran kurikulum (Dio Caesar Darma, Zainal Ilmi, Surya Darma & Y. Syaharuddin, 2020) seperti penggunaan tele-sidang melalui aplikasi web 2.0 dengan berbantuan komputer dan telefon pintar secara lebih meluas dan memanfaatkan teknologi maklumat untuk perhubungan antara guru dan pelajar menggantikan kelas tradisional yang tidak dapat dilakukan secara bersemuka. Dalam hal ini, wajarlah sekiranya PBP diberi perhatian oleh pengamal pendidikan dan diperkembangkan dalam pelbagai bentuk, kaedah dan medium baharu.

6.0 PENUTUP

Secara umumnya, PBP banyak memberi manfaat kepada pelajar pelbagai peringkat, iaitu bermula dari pendidikan awal kanak-kanak sehingga institusi pengajian tinggi. Pembelajaran sedemikian dapat menyokong langkah KPM dan KPT dalam meneruskan agenda mempromosi pengajaran abad ke-21 dengan lebih berkesan melalui pengajaran berpusatkan pelajar. Di samping itu, PBP menggalakkan hasil pembelajaran lain seperti pembelajaran kolaboratif, pengurusan masa, komunikasi, kemahiran interpersonal yang berkesan, mengakses maklumat dan melibatkan diri dengan masyarakat luar. Justeru, dengan penglibatan projek luar melalui PBP, pelajar dapat mempromosi institusi masing-masing dan mengembangkan ilmu pengetahuan yang mereka pelajari dalam bilik kuliah kepada masyarakat setempat. Ini perlu dititikberatkan oleh tenaga akademik institusi pengajian tinggi khususnya bagi melahirkan graduan yang berdaya saing dan aktif

dalam memberi sumbangan ilmu pengetahuan kepada masyarakat luar. Jelas di sini, PBP dapat menggalakkan proses berfikir secara kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar dan membantu mereka untuk mengelakkan diri daripada mengalami tekanan akibat pembelajaran yang hanya berfokus kepada aktiviti bilik kuliah semata-mata yang tidak memberi hasil yang optimum kepada nilai ilmu pengetahuan dalam bidang yang ditekuni.

7.0 RUJUKAN

- Abdul Mutalip Abdul Latif. (2015). Pembangunan kemahiran penyelesaian masalah berlandaskan projek origami. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2015). Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. Bil. 3 Isu 1.
- Beckett, G. H. (2006). Project-based second and foreign language education: Theory, research, and practice. In Beckett, G. H. & Miller, P.C. (Eds.), *Project based second and foreign language education: Past, present, and future* (pp. 3-16). ISBN-13: 978-1-59311-506-7/ISBN-13: 978-1-59311-505-0 (pbk.). USA: Information Age Publishing.
- Belwal, R., Belwal, S., Azlinor Sufian & [Amal Al Badi](#). (2020). Project-based learning (PBL): outcomes of students' engagement in an external consultancy project in Oman. ISSN: 0040-0912. <https://www.emerald.com/insight/publication/issn/0040-0912>.
- Darma, D. C., Ilmi, Z., Darma, S., & Syaharuddin, Y. (2020). COVID-19 and its impact on education: challenges from industry 4.0. *Aquademia*, 4(2), ep20025. <https://doi.org/10.29333/aquademia/8453>.
- [Kokotsaki](#), D., [Menzies](#) V., & [Wiggins](#), A. (2016). Project-based learning: a review of the literature. *SAGE Journals*. Vol 19, Issue 3. <https://doi.org/10.1177/1365480216659733>.
- Maida, C. A. (2011). Project-based learning: a critical pedagogy for the twenty-first century. *Policy Futures of Education*. *SAGE Journals*. Vol. 9 Issue 6. <https://doi.org/10.2304/pfie.2011.9.6.759>.
- Md. Baharuddin Haji Abdul Rahman. (2015). Kesan pemantauan interaktif bersistematik pembelajaran berasaskan projek (PBP) terhadap motivasi pembelajaran, regulasi sendiri dan metakognisi dalam kalangan pelajar politeknik. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Noor Ashikin Mohd Yusop, Norazizah Abdul Rahman, Sopia Md Yassin, Zainiah@Zainiah Mohamed Isa. (2018). Penyiasatan secara inisiatif kanak-kanak menerusi pendekatan projek. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak* Jilid 7, 2018 (30-49). (ISSN 2289-3032 / eISSN 2550-178X). <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>.
- Nor Izzati Mahd Nor. (2019). Kaedah berasaskan projek dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, [S.l.], n. JILID I, oct. 2019. ISSN 2636-9885.
- R. D. Anazifa & Djukri. (2017). Project-based learning and problem-based learning: Are they effective to improve student's thinking skills?. *Jurnal Pendidikan IPA Indonesia*. JPPI 6 (2) (2017) 346-355.
- Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berasaskan projek dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*

(Malay Language Education Journal – MyLEJ). ISSN: 2180-4842. Vol. 4, Bil. 1 (Mei 2014): 19-29.

Yustina, W. Syafii & R. Vebrianto. (2020). The effects of blended learning and project-based learning on pre-service biology teachers' creative thinking through online learning in the covid-19 pandemic. *Jurnal Pendidikan IPA Indonesia, JPPI* 9 (3) (2020) 408-420. <https://doi.org/10.15294/jpii.v9i3.24706>.